

Bendung penyakit sosial yang semakin parah landa remaja

Jadikan anak sebagai kawan

Oleh JUNHAIRI ALYASA

junhairi.alyasa@kosmo.com.my

SUNGAI BULOH - Masalah sosial yang melanda segelintir golongan remaja kini semakin parah dan diibaratkan sebagai barah peringkat kronik dalam masyarakat.

Bagi membendung gejala tersebut, Pengerusi Pusat Bimbingan Remaja Puteri Raudhatul Sakinah Selangor, Yusnani Abd. Hamid menyarankan supaya ibu bapa menjadikan anak remaja mereka sebagai kawan untuk saling bertukar pandangan dan bermesra.

"Lagi keras kita didik anak kita, lagi mereka kuat mem berontak. Sebab itu ibu bapa harus bina hubungan baik dengan anak sejak kecil dan beri sepenuh kasih sayang.

"Selepas berusia tujuh tahun ke atas ajak mereka solat dan jika mereka tidak mahu ikut, pukul tanpa mencederakan mereka tetapi sebaik sahaja menjangkau usia 12 tahun jadikan anak sebagai kawan," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di pusat itu di sini baru-baru ini.

Beliau menjelaskan, kaedah tersebut sudah terdapat dalam ajaran Islam menerusi al-Quran dan juga sunah Nabi Muhammad S.A.W.

"Ibu bapa juga perlu melakukan penghijrahan dalam diri mereka dan mempunyai kekuatan agama yang mantap supaya anak mereka juga dapat mengikuti teladan yang baik," jelasnya.

Yusnani memberitahu, sejak pusat tersebut dibuka pada 1998, pihaknya telah menerima ramai remaja



PUSAT Bimbingan Remaja Puteri Raudhatul Sakinah yang terletak di lokasi terpencil di Sungai Buloh, Selangor.

yang terlibat dengan pelbagai masalah.

"Masalah gejala sosial remaja sudah semakin parah dan kita tak boleh pandang begitu sahaja, sebab itu golongan yang sudah jauh terasas ini kita ambil dan bantu mereka," ujar beliau.

Dengan hanya kapasiti seramai 30 orang pelatih, pusat tersebut ditempatkan di lokasi yang agak terpencil bagi memastikan tiada pihak luar cuba untuk mengganggu mereka kecuali ibu bapa.

Kaedah pemulihan yang diperkenalkan adalah menerusi pemantapan agama, sah-

siah diri, disiplin termasuk kelas-kelas pembelajaran bahasa Inggeris, menjahit dan memasak.

Pusat itu juga mempunyai modul tersendiri untuk mendidik masyarakat di peringkat sekolah, universiti dan sektor korporat terutama kaedah mendidik remaja.

Yusnani berkata, hasil usaha yang dilakukan, sebanyak 88 hingga 90 peratus daripada pelatih yang dibawa ke rumah tersebut berjaya dipulihkan dan menjadi insan yang baik.

"Dalam tempoh enam bulan, pelatih akan mula me-



YUSNANI

nampakkan perubahan dengan bantuan daripada alumni-alumni yang sudah berjaya dalam kehidupan mereka," ujarnya.